

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)65**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

65. Dengan antisipasi pembukaan sempadan kepada pengunjung antarabangsa tidak lama lagi, apakah rancangan dan persiapan Kerajaan Negeri, termasuk sebarang permintaan kepada Kerajaan Pusat, dalam pembukaan sempadan yang sangat diperlukan untuk memulih ekonomi khususnya sektor pelancongan di negeri kita?

**YB. YEOH SOON HIN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

65. Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada pasca pandemik ini mengutamakan pemulihan keyakinan pelawat dan meningkatkan pendedahan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pelancongan yang utama dan bertanggungjawab. Selain mengetengahkan Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti Program Sistem Akreditasi bagi Kesiapsiagaan Pasca COVID-19 dan Kempen Pelancongan Bertanggungjawab, Kerajaan Negeri juga mengutamakan Kempen Pelancongan Mampan (*sustainable tourism*) dan aktiviti alam semula jadi. Strategi-strategi pada tahap ini akan menggalakkan permintaan

melalui kempen penjenamaan (*branding campaign*), meningkatkan hasil pendapatan melalui kempen taktikal perkongsian strategik (*strategic partnership tactical campaign*), penglibatan jenama (*brand engagement*) dan penajaran industri (*industry alignment*).

Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan bagi memulihkan sektor-sektor terjejas termasuk sektor pelancongan. Peruntukan ini akan diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri ketika sesi Pembentangan Belanjawan Negeri Tahun 2022.